

## SYARAT – SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Inovasi Penorehan 2015 ini terbuka kepada semua kakitangan RISDA, Syarikat Milikan RISDA, serta pelajar IPTA dan IPTS.
2. Pertandingan bermula 01 November 2014 sehingga 30 Jun 2015.
3. Penciptaan mestilah asli dan belum pernah dipertandingkan dalam mana-mana pertandingan inovasi peringkat kebangsaan.
4. Penyertaan adalah secara individu atau berkumpulan (maksimum 3 orang).
5. Setiap individu/kumpulan dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menggunakan satu borang sahaja bagi satu inovasi yang ingin dipertandingkan. Salinan borang fotostat juga diterima.
6. Kategori pertandingan adalah produk teknikal sahaja.
7. Setiap penyertaan mestilah melalui ketua jabatan/dekan masing-masing.
- 8. Borang penyertaan mestilah sampai ke urusetia pertandingan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2014, jam 5.00 petang.**
9. Tempoh merekacipta inovasi adalah 6 bulan dari tarikh tutup penyertaan termasuk ujian di lapangan.
10. Segala kos yang terlibat didalam penciptaan inovasi adalah di bawah tanggungan sendiri.
- 11. Setiap penyertaan inovasi hendaklah disertakan sekali dengan profil projek dan perlu diserahkan kepada urusetia pertandingan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2015 jam 5.00 petang dalam bentuk *Hard Copy* dan *Soft Copy*.**
12. Profil projek mestilah mengandungi pekara-pekerja berikut:
  - Biodata ringkas peserta.
  - Penerangan ringkas mengenai produk inovasi yang dihasilkan.
  - Masalah . masalah yang dihadapi sebelum inovasi.
  - Faedah . faedah yang diperolehi setelah produk inovasi dicipta.
  - Lukisan teknikal dan gambar . gambar produk inovasi.

- Profil projek tersebut dibuat satu (1) salinan *soft copy* dan satu (1) salinan *hard copy*. Format profil projek hendaklah menggunakan format *Power Point*.
13. Borang penyertaan dan profil projek yang diterima selepas tarikh dan masa yang telah ditetapkan akan ditolak secara automatik. Bukti penghantaran bukanlah bukti penerimaan.
  14. Tiada yuran penyertaan yang dikenakan.
  15. Hanya peserta yang berjaya melepasi proses senaraipendek sahaja yang akan dijemput untuk mengambil bahagian di dalam peringkat akhir Pertandingan Inovasi Penorehan Tahun 2015.
  16. Produk inovasi yang berjaya ke peringkat akhir mestilah siap sedia di gerai pameran dan berada di gerai pameran sepanjang pameran berlangsung.
  17. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan/kehilangan produk inovasi yang dipamerkan.
  18. Hadiah pertandingan.
    - i. Johan - Wang tunai RM10,000, piala dan sijil
    - ii. Naib Johan - Wang tunai RM7,000, piala dan sijil
    - iii. Ketiga - Wang tunai RM5,000, piala dan sijil
    - iv. Saguhati (peserta yang melepasi proses senaraipendek) - Wang tunai RM500 dan sijil
  19. Pihak penganjur berhak mempertimbangkan semula nilai hadiah pertandingan berdasarkan tahap ciptaan inovasi mengikut kriteria penilaian/pemarkahan.
  20. Pihak penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat . syarat yang telah ditetapkan.
  21. Keputusan pertandingan akan ditentukan oleh panel hakim yang dilantik. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
  22. Semua hasil inovasi yang dipertandingkan akan menjadi hak milik RISDA. Pihak RISDA berhak untuk menggunakan sepenuhnya hasil pertandingan bagi apa-apa maksud dan tujuan.